

31/12/1997

Tiada sepakat punca program Rakan Sukan gawat - Kok Chi

Lukman Salleh

KEGAWATAN pelaksanaan tajaan sektor korporat menerusi program Rakan Sukan ditafsirkan sebagai berpunca daripada mekanisme atau cara penerapannya yang tidak tepat.

Sekalipun tidak menganggap Rakan Sukan satu kegagalan, Setiausaha Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Sieh Kok Chi, berkata kurang kefahaman mengenai dasar itu menyebabkan berlaku percanggahan serta perpecahan antara persatuan sukan kebangsaan dengan syarikat korporat.

"Sepatutnya sebelum ada perkongsian, seharusnya ada pengenalan supaya wujud persefahaman antara Rakan Sukan dan persatuan sukan kebangsaan bagi memastikan tidak wujud masalah pada masa depan.

"Salah satu cara pada peringkat awal ialah dengan memberikan sumber kewangan yang sedikit dan bukan satu jumlah besar. Dengan cara ini, persatuan dan Rakan Sukan dapat memastikan ia digunakan dengan baik.

"Kemudian barulah ia dimeterai dengan satu jumlah yang besar apabila sudah wujud kesefahaman," kata Kok Chi mengulas program Rakan Sukan yang menimbulkan pelbagai rungutan daripada persatuan sukan.

Program Rakan Sukan dimeterai dengan Memorandum Persafahaman (MoU) antara 27 syarikat korporat dengan 28 persatuan sukan kebangsaan dua tahun lalu, disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Namun, hanya dua persatuan - bola jaring dan bowling - menerima jumlah penuh tajaan manakala daripada sejumlah RM54.51 juta yang dijanjikan, persatuan hanya menerima RM29,155,044.76

Lapan persatuan sudahpun kehilangan Rakan Sukan, termasuk renang (YTL), olahraga (Resorts World Berhad), hoki wanita (Kelana Mas), silat (Bank Simpanan Nasional) dan angkat berat (Benta Plantations).

Turut mengalami nasib yang sama ialah bola sepak wanita (High Point), bowling padang (Kumpulan Guthrie) dan perahu layar (Ibex Corporation).

Tindakan beberapa syarikat korporat tidak menunaikan janji ataupun menamatkan ikatan sesuka hati menyebabkan persatuan sukan merungut kerana program latihan dan pembangunan tergendala.

Syarat perjanjian pula tampak memberi kelebihan kepada syarikat korporat - boleh menamatkan kontrak bila-bila masa - menyebabkan beberapa persatuan sukan memikirkan alternatif saluran undang-undang.

"Saya rasa mengambil tindakan mahkamah bukan jalan penyelesaian tetapi akan lebih memburukkan keadaan. Pihak persatuan dan syarikat boleh berbincang semula untuk menyelesaikan masalah ini.

"Pihak MSN (Majlis Sukan Negara) juga boleh memainkan peranan yang penting dalam meleraikan kekusutan ini. Ini berbalik pula kepada persoalan persekitaran. Kita harus membetulkannya dahulu," kata Kok Chi.

(END)